
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2011/2012

Januari 2012

YKT 101 – Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib. Pilih **DUA (2)** soalan lain; satu dari Bahagian **B** dan satu dari Bahagian **C**.

Markah untuk setiap soalan adalah seperti yang dinyatakan.

...2/-

Bahagian A (Wajib)

1. Beri takrifan dan huraikan berserta contoh-contoh yang relevan EMPAT (4) daripada konsep-konsep berikut:
 - (a) Konteks (*context*)
 - (b) Kedekatan (*proximity*) dan persamaan (*similarity*)
 - (c) Senyap atau diam (*silence*)
 - (d) Hubungan langsung (*immediacy*) dan fleksibiliti (*flexibility*)
 - (e) Kepimpinan (*leadership*)
 - (f) Penyelesaian Masalah Urutan (*Sequence Problem Solving*).

(40 markah)

Bahagian B

2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'gangguan' dalam proses komunikasi manusia? Bincangkan jenis-jenis gangguan yang boleh menjejaskan kelancaran komunikasi.

(30 markah)

3. Beri definisi komunikasi antara budaya dan kenal pasti LIMA (5) garis panduan bagi memperbaiki dan meningkatkan komunikasi antara budaya.

(30 markah)

4. Bersertakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan LIMA (5) prinsip asas komunikasi lisan.

(30 markah)

Bahagian C

5. Kumpulan penjaanan idea menggunakan sesi percambahan idea (*brainstorming*) sebagai salah satu teknik penyelesaian masalah. Bincangkan EMPAT (4) peraturan yang digunakan semasa sesi percambahan idea dan jelaskan mengapa peraturan tersebut perlu diikuti.

(30 markah)

6. Huraikan LIMA (5) jenis-jenis cinta dan bagaimana ia dihubungkan dengan komunikasi interpersonal. Sertakan dengan contoh-contoh yang sesuai bagi menyokong hujah anda.

(30 markah)

7. Apakah yang dimaksudkan dengan hubungan pementoran (*mentoring relationship*) dalam organisasi? Jelaskan kepentingan hubungan pementoran (*mentoring relationship*) dalam meningkatkan kualiti kerja dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)